



**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
*MINISTRY OF WORKS*  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
*CORPORATE COMMUNICATIONS UNIT*  
**TINGKAT 6, BLOK B**  
*6<sup>TH</sup> FLOOR, BLOCK B*  
**KOMPLEKS KERJA RAYA**  
**JALAN SULTAN SALAHUDDIN**  
**50580 KUALA LUMPUR**

Telefon : 03-2771 1100  
Faks : 03-2711 1590  
Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my)  
Emel : [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN KERJA RAYA**

#### **MENGENAI**

### **TINDAKAN SUSULAN DAN PENAMBAHBAIKAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2013 (SIRI 1)**

1. Kementerian Kerja Raya (KKR) ingin mengulas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (LKAN 2013) Siri 1. Terdapat 5 isu yang dibangkitkan dalam laporan tersebut yang berkaitan dengan KKR dan Agensinya. Isu berkenaan adalah seperti berikut:
  - i. **Projek Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Jalan Alor Setar – Kuala Nerang – Durian Burung, Kedah**
  - ii. **Pembinaan Politeknik Banting, Selangor**
  - iii. **Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris**
  - iv. **Pembinaan Kompleks Mahkamah Baru Kuantan**
  - v. **Pengurusan Operasi Pangkalan Marin Kastam**
2. Projek-projek tersebut telah pun siap dilaksanakan dan telah pun digunakan. Walaubagaimanapun, semasa pelaksanaan projek beberapa kelewatan berlaku atas faktor kelemahan pihak pengurusan projek dan lain-lain faktor di luar kawalan. Semua teguran berkenaan projek-projek tersebut, telah pun dan sedang diambil tindakan penambahbaikan oleh pihak Kementerian. Seterusnya,

pihak Kementerian sedang memperhalusnya untuk mengenalpasti langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan bagi mengelak ketidakpatuhan ini daripada berulang pada masa akan datang. Siasatan dalaman sedang dijalankan untuk mengenalpasti samada terdapat kecuaiian di pihak pegawai Kerajaan mahupun kontraktor/perunding yang terlibat. Tindakan sewajarnya akan dikenakan ke atas pegawai yang bertanggungjawab dan menyenaraihitamkan kontraktor/perunding.

- 3. Projek Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Jalan Alor Setar – Kuala Nerang – Durian Burung, Kedah** ini telah mengalami kelewatan selama 1,137 hari. Kelewatan ini berpunca daripada proses pengambilan balik tanah yang melibatkan 830 lot di tiga buah daerah dan proses penempatan semula kawasan setinggian yang memerlukan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri. Di samping itu, kelewatan ini turut disebabkan oleh pengalihan utiliti dan perubahan jajaran rekabentuk sepanjang 48km. Proses pengalihan utiliti telah bermula sejak 2007 namun pihak utiliti menghadapi kekangan kewangan kerana terpaksa menanggung kos pengalihan tersebut. Justeru itu, bagi projek akan datang, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membiayai kos pengalihan utiliti tersebut dengan mengeluarkan Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Kemudahan Utiliti dalam Pelaksanaan Projek-projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2010.
- 4. Berhubung Projek Pembinaan Politeknik Banting, Selangor**, isu yang telah dibangkitkan adalah berkaitan masalah mendapan tanah, kerja mekanikal dan elektrik yang kurang sempurna serta penggunaan *suspended ceiling* di ruang *outdoor/semi outdoor* yang tidak sesuai. Pihak Kementerian mendapati bahawa

mendapan tanah yang berlaku adalah perkara biasa bagi tanah yang ditambah dan mendapan tersebut merupakan proses *within the tolerance*. Di samping itu, mendapan tersebut tidak menjejaskan struktur bangunan dan seterusnya pihak kontraktor berkenaan telah pun diarah bagi memastikan kerja-kerja pemantauan terus dilaksanakan. Siasatan dalaman sedang dijalankan untuk mengenalpasti samada terdapat kecuaiian di pihak pegawai kerajaan mahupun kontraktor/perunding yang terlibat. Tindakan sewajarnya akan dikenakan ke atas pegawai yang bertanggungjawab dan menyenaraihitamkan kontraktor/perunding.

5. Isu **Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris** ialah *Cooling Tower* yang tidak praktikal untuk digunakan, kerosakan dinding disebabkan kondensasi, *Water Proofing* yang tidak berfungsi dan tidak mematuhi spesifikasi. Pihak kontraktor telah diarahkan untuk mengubahsuai mengikut bilangan penuntut semasa dan seterusnya kerosakan dinding serta *Water Proofing* telah pun diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor.
  
6. Kelewatan **Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang** pula adalah disebabkan oleh perancangan yang dibuat dalam tempoh yang cukup singkat terhadap rekabentuk dan penentuan skop kerja memandangkan projek ini dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2. Perancangan projek sebesar ini lazimnya mengambil masa 6 hingga 9 bulan, sedangkan bagi projek ini hanya 28 hari. Bagi membolehkan perancangan projek dapat dibuat dalam tempoh tersebut, JKR telah menggunakan kaedah kontrak *provisional quantity* (kuantiti sementara) iaitu berdasarkan kepada anggaran sedangkan pembayaran yang dibuat adalah berdasarkan kerja sebenar yang dilaksanakan di tapak. Justeru itu, beberapa Arahan Perubahan

Kerja terpaksa dikeluarkan. Kelewatan projek turut berpunca daripada faktor keadaan cuaca yang luar biasa (banjir).

7. Berhubung Projek **Pengurusan Operasi Pangkalan Marin Kastam (PMK)** pula, isu yang telah dibangkit adalah berkaitan kemudahan PMK yang tidak digunakan, penggunaan komponen pembinaan yang kurang sempurna dan isu penyenggaraan PMK. JKR telah melaksanakan projek tersebut mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan telah pun diserahkan kepada pihak pelanggan yang bertanggungjawab terhadap penyenggaraan.

## **PENUTUP**

Kementerian memandang serius terhadap ketidakakuran yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan sentiasa mengenal pasti kaedah terbaik serta mengambil tindakan sewajarnya seterusnya membaiki proses dan amalan kerja Kementerian dan agensi. Kementerian telah menubuhkan Pasukan Projek Khas sebagai salah satu kaedah untuk menangani isu-isu ini. Antara projek besar dan *iconic* yang telah berjaya dibuktikan melalui kaedah ini ialah penyiapan Institut Kanser Negara (IKN) di Putrajaya, yang siap dua minggu lebih awal daripada tempoh asalnya. Kementerian akan mengkaji untuk memperluaskan Pasukan Projek Khas untuk memastikan pelaksanaan projek mengikut kos dan masa yang telah ditetapkan dengan mengambil kira kekangan sumber.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**11 APRIL 2014**

**7.25 PM**